

Tugas rakyat kekal keamanan, bukan cetus provokasi

Ketika memperingati ulang tahun ke-merdekaan ke-63, wajar untuk menghidupkan kembali semangat ‘muhibah’ yang berfungsi menyatukan rakyat pelbagai kaum di negara tercinta lima dekad lalu.

Kenyataan bahawa kita harus meraikan hari kebangsaan tahun ini di bawah keadaan norma baharu kerana pandemik COVID-19, boleh melunturkan semangat untuk memperingati peristiwa bersejarah ini.

Untuk tahun ini, media sosial menjadi platform berkesan untuk menyebarkan mesej dan video perpaduan yang menggambarkan watak berbilang bangsa dan bagaimana kita dapat bersatu walaupun terdapat kepelbagaian.

Rakyat Malaysia tidak boleh mengambil ringan keharmonian dan perpaduan. Dari semasa ke semasa, pelbagai isu kontroversi muncul dan mengancam hubungan harmoni antara masyarakat daripada pelbagai bangsa dan agama.

Ini tidak baik kerana menunjukkan betapa rapuhnya keharmonian dan perpaduan dalam negara.

Selaras 63 tahun merdeka, kita masih berselisih mengenai isu perkauman dan agama, menyebabkan Yang di-Pertuan Agong dan Raja selalu mengingatkan kita akan bahaya ditimbulkan isu ini.

Perpaduan benar-benar ‘hadiyah’ tidak ternilai dan mesti dijaga serta dihargai semua masyarakat di negara berbilang kaum seperti Malaysia. Ada-

kah kita bersedia melihat perpaduan terjalin dari semasa ke semasa dihancurkan oleh perkauman dan intoleransi agama?

Saya harap kita dapat mengembalikan keharmonian kaum dan semangat muhibah yang dinikmati rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum pada era 70-an, 80-an dan 90-an.

Semangat muhibah hanya akan berkembang apabila individu berlainan etnik dan agama saling menghormati dan sentiasa berhati-hati serta peka terhadap sensitiviti agama dan budaya mereka.

Di Malaysia, perpaduan dalam komuniti berbilang kaum sebahagian sejarah dan warisan kita. Ini menjadi sumber penting penyatuan kaum selama bertahun-tahun dan tentunya memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia tempat tinggal, belajar, bekerja dan bermain yang aman.

Pemimpin politik dan seluruh rakyat Malaysia mesti mengamalkan kelima-lima prinsip Rukun Negara serta prinsip kesederhanaan yang penting untuk perpaduan nasional.

Penggubal dasar dan pihak yang merancang serta melaksanakan dasar kerajaan perlu memastikan pemikiran dan tindakan mereka sesuai tujuan dan objektif Rukun Negara serta Keluhuran Perlembagaan.

Tugas paling mendesak untuk semua rakyat Malaysia masa kini, tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik, adalah untuk mengekalkan keharmonian antara kaum dan agama dan

menolak semua bentuk ekstremisme yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum dan agama.

Penting bagi semua rakyat Malaysia yang patriotik berdiri teguh dan mendukung perpaduan dalam kepelbagaian dan berusaha membentuk Malaysia yang bersatu.

Kita dapat mencapai impian kita jika kita bersatu dan mempunyai ranangan jangka panjang dan bekerja keras.

Saya amat berharap kita dapat memiliki lebih banyak detik perpaduan dan mengekalkan semangat patriotisme serta perpaduan yang sama dalam

semua aktiviti kita.

Kita perlu mengekalkan semangat perpaduan, muhibah dan patriotisme bukan hanya ketika menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos, tetapi juga dalam kehidupan seharian.

‘Hari Merdeka’ bukan hanya untuk meraikan kemerdekaan kita. Ini juga mengenai meraikan kepelbagaian dan memastikan perpaduan yang menjamin kelangsungan hidup negara kita.

Sangat dikesali apabila masih ada yang membuat kenyataan provokatif dan menghina perkauman yang boleh memburukkan lagi polarisasi kaum dan merosakkan keharmonian dan perpaduan.

Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik, tugas kita untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian dengan menahan diri daripada memberi komen provokatif yang akan mengakibatkan konflik antara kaum yang tidak diperlukan.

Apa yang Malaysia perlukan sekiranya bukanlah ‘pahlawan etnik’ tetapi pembina jambatan etnik dan duta besar yang dapat membantu memupuk semangat muhibah, saling menghormati, keamanan dan keharmonian.

Setiap orang mempunyai peranan menyatukan Malaysia berdasarkan nilai dihormati dan bukannya mengeksplorasi sentimen etnik.

*Di Malaysia,
perpaduan dalam
komuniti berbilang kaum
sebahagian sejarah dan
warisan kita. Ini menjadi
sumber penting penyatuan
 kaum selama bertahun-
 tahun dan tentunya
 memainkan peranan
 penting dalam
 menjadikan Malaysia
 tempat tinggal, belajar,
 bekerja dan bermain
 yang aman.*

Tan Sri Lee Lam Thye,
Ahli Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Perpaduan Malaysia